

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 MEI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7

Pelarasan tarif elektrik ditentukan masa terdekat

Pelarasan tarif elektrik ditentukan masa terdekat

Mekanisme akan dibincang, dibawa ke Kabinet

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan akan mengumumkan pelarasan tarif elektrik di Semenanjung, menerusi mekanisme Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT) bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember, kepada golongan berpendapatan tinggi atau T20, dalam masa terdekat.

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata ketika ini, perkara itu masih belum dibincangkan dan dibawa kepada mesyuarat Kabinet.

"Ia ada beberapa perkara, tungsu sidang media (nanti), tetapi secara prinsipnya, harga pasaran arang batu dan gas sudah stabil berbanding tahun lalu.

"Sebelum ini, kita sudah lama kekang dengan harga sangat rendah, peningkatan agak drastik ICPT setiap enam bulan.

"Satu faktor yang diambil kira, tempoh kemudian bermula 1 Julai hingga hujung tahun akan diumumkan dalam masa terde-



Nik Nazmi (tengah) pada pelancaran Persidangan Hidrogen Hijau ASEAN di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

kat. (Ketika itu) *market place* (pasar) dan sebagainya agak stabil," katanya pada sidang media selepas melancarkan Persidangan Hidrogen Hijau ASEAN, di sini, semalam.

Selaras penilaian subsidi

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam sesi jawab lisan di Dewan Rakyat berkata, golongan T20 tidak akan lagi menerima sebarang subsidi, sama ada untuk penggunaan

T20 tak lagi terima subsidi elektrik, haji



Keratan akhbar BH semalam.

elektrik atau menunaikan haji.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, Pangkalan Data Utama (PADU) iaitu sistem penyelaras data yang dijangka siap menjelang akhir hujung tahun ini, akan menyelaras penilaian agihan subsidi kepada golongan yang layak.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, langkah pengecualian subsidi itu diperkenalkan kerajaannya bagi melaksanakan pemberian subsidi yang lebih bersasar.